

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JUN 2025

AKHBAR : KOSMO

MUKA : 6
SURAT

Amir Hamzah fokus rombak inti pati RMK 13

16 www.hmetro.com.my [@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy) [HarianMetro](https://facebook.com/HarianMetro) [@hmetromy](https://instagram.com/hmetromy)

Sabtu 28.06.2025 | **Harian Metro**

lokal



Amir Hamzah fokus rombak inti pati RMK-13

Putrajaya: Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan (*gambar*) diberi tanggungjawab menjalankan tugas dan fungsi Menteri Ekonomi berkuat kuasa serta-merta. Beliau Setiausaha Negara yang juga Setiausaha Jemaah Menteri, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar berkata, perkara itu diperseutujui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan dimaklumkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Jun lalu.

"Tugas utama Amir Hamzah adalah mengolah dan merombak semula intipati naskhah Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13) yang dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai depan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Ia termasuk mengambil kira maklumat tambahan dikemukakan kementerian-kementerian serta pandangan dan ulasan diberikan oleh Jemaah Menteri. Sementara itu, Amir Hamzah dalam kenyataannya, merakamkan penghargaan terhadap kepercayaan Perdana Menteri yang memberi mandat kepada beliau untuk membantu tugas di Kementerian Ekonomi.

Beliau berkata, antara tumpuan utama ketika ini adalah untuk memuktamadkan naskhah Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13).

"Banyak maklum balas diterima daripada menteri-menteri yang memerlukan rombakan semula inti pati RMK-13 supaya memaparkan dengan terbaik dasar keutamaan kerajaan MADANI serta meneruskan momentum pembaharuan agenda Ekonomi MADANI," katanya. - Bernama